

Ⓟ Mahathir kesali Pas

MEGAT DEWA (Kedah) 20 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir hari ini kesal dan dukacita kerana Pas telah menyerahkan kuasa politik kepada DAP dan Semangat 46 sebelum bertanding dalam pilihanraya lagi.

Katanya, tindakan Pas mengadakan pakatan dengan Semangat 46 dan DAP menunjukkan awal-awal lagi para pemimpinnya menyerah diri dengan menjual kerusi kepada kedua-dua parti itu.

Sambil menyifatkan Semangat 46 sebagai sebuah parti kecil beliau hairan bagaimana pemimpin parti itu dapat memutar-belit sehingga kedua-dua pe-

mimpin parti DAP dan Pas boleh menerima bulat-bulat konsep pakatan itu.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan majlis LPN Turun ke Bendang di Sekolah Menengah Batu 20, di sini beliau menyatakan simpati dengan para ahli Pas kerana pemimpin mereka yang ada sekarang telah menyeleweng dari prinsip perjuangan yang murni yang didokong oleh pemimpin-pemimpin awal.

Katanya, dari 93 kerusi Parlimen kawasan Melayu, 60 kerusi dikatakan akan diserahkan kepada Semangat 46 dan 33 kerusi sahaja yang ditandingi Pas.